

SUMBER PERBAHANAN DALAM ILMU PERKASIHAN MELAYU TRADISIONAL

Dr Harun Mat Piah
Penataran Manusrip Melayu
Perpustakaan Negara Malaysia
19-20 April 2016

2. EPISTEMOLOGI MELAYU TRADISIONAL

Korpus Ilmu Tradisional: Ilmu Perkasihan

- 1. ilmu perubatan (kitab tib)**
- 2. Ilmu ramalan (astrologi, astronomi)**
- 3. ilmu perkasihan (seksologi)**
- 4. ilmu bahasa (nahu, surat kiriman)**
- 5. ilmu hisab / ilmu hitungan**
- 6. ilmu pertanian (tanaman, ternakan)**
- 7. ilmu bedil / senapang, istinggar**
- 8. ilmu pertukangan (rumah, senjata tajam)**
- 9. ilmu kesenian (teater, tarian, permainan)**
- 10. ilmu penulisan (prasasti, warkah, manuskrip)**

3. ILMU TRADISIONAL (2)

Ilmu Ramalan (Astrologi, Astronomi) berkait rapat dengan Ilmu perubatan dan ilmu Perkasihan

- 1. Rejang Ketika; Rejang 30 Haribulan**
- 2. Ilmu Bintang (Bintang 7, Bintang 12)**
- 3. Ketika (Lima, Tujuh, Saat Seri Rama yang 8)**
- 4. Ilmu Firasat (anggota tubuh)**
- 5. Ta'bir Mimpi**
- 6. Ilmu raksi, penyakit, jodoh perkahwinan**
- 7. Ilmu Gerak dan Rasa**
- 8. Pergerakan Naga di Pusat Bumi**
- 9. Kedudukan dan kehadiran Rijal al-Ghaib**
- 10. Padah, Katurangga**



4. ILMU PERKASIHAN

- Semua yang berhubungan dengan wati, antaranya tentang cara, perlakuan, posisi, peringkat dan waktu, menurut sunah Rasulullah.
- Hukum – hakam: sunat, harus, makruh dan haram, (wajib)
- Memperkasa keupayaan wati
- Memperkasa anggota-anggota seks untuk kesempurnaan wati
- Terapi untuk mempertingkat dan mengekalkan keupayaan wati
- Penyakit, ubat dan rawatan penyakit syahwat: sakit tuan, sakit puan
- Makanan dan pemakanan yang berhubungan dengan keupayaan wati
- Petua, pantang larang (perlakuan dan pemakanan)
- Penggunaan doa, jampi, mantera, tuju, guna-guna
- Penggunaan azimat, tangkal, cuca, cula
- Ilmu menggoda / memikat lelaki dan perempuan
- Ilmu pengasih, pembenci, pakaian diri
- Amalan ringan dalam kegiatan seharian, petua awet muda, menjaga serira dan rawatan kecantikan
- Ilmu-ilmu lain, ilmu perubatan (kitab tib), ramalan, raksi, firasat, laksana.
-


5. PERISTILAHAN

- Istilah “ilmu Perkasihan” yang digunakan dalam pembincangan ini ialah dalam makna “seksologi” yang sebelum ini dan yang difahami secara umum sebagai “ilmu berahi” (Harun Mat Piah, dkk. 2000: 501-580), ilmu jimak, ilmu syahwat, ilmu perempuan (ilm an-nisa) ilmu erotis dan beberapa yang lain.
- Istilah-istilah lain yang berhubungan dengannya, digunakan yang dalam versi Arab yang terpakai dalam ilmu Islam, antaranya wati (jimak, *sexual intercourse*), zakar (*penis*), faraj (*vagina*), inzal (*ejaculation, climax, orgasm*), gurau senda (*fore-play*), (*after-play*) dan lain-lain
- Tiada rujukan untuk alat kelamin yg lebih detail, labia majora, labia minora (bibir faraj), clitoris (urat jarum), sebutan umum “ari-ari” bulu ari-ari (*pubic hair*) cara *stimulation, oral, cunnilingus, multiple orgasm*, “tidak khabarkan diri” (murca) seketika; dsbnya

6. ILUSTRASI: FARAJ 1



7. ILUSTRASI DAN PENDAHULUAN TEKS



8. PEMBAHANAN ILMU

- Maklumat berhubung ilmu ini meliputi pelbagai judul, kategori, malah dalam keseluruhan genre kepustakaan ilmu tradisional itu. Pada asasnya bahagian ilmu ini terkandung dalam naskhah-naskhah dengan judul “jimak”, antaranya Kitab Jimak, Rukun Jimak, atau lainnya. Naskhah-naskhanya tidak tebal, mengandungi sekitar 30-40 halaman dan bersaiz kecil membicarakan tentang jimak, pendekatan dan hukum-hakamnya menurut Sunah Rasulullah. Jumlahnya juga dalam beberapa koleksi agak terhad.
- Sumber kedua ialah yang terkandung dalam naskhah-naskhah dalam kategori Kitab Tib, Kitab Ubat dan yang lain. Dari sekitar 100 naskhah kitab-kitab tib, hampir semua memasukkan persoalan yang tergolong sebagai ilmu perkasihan, baik dalam bab-bab tersendiri sebagai “babul jimak” atau bersama dalam bab-bab yang membicarakan ilmu perubatan, penyakit, ubat dan rawatan. Sebagai contoh, *Kitab Tajul Muluk* yang merupakan sebuah kitab tib Melayu yang tipikal membicarakan bahagian ini dalam beberapa fasal, bersama ilmu perubatan, ramalan, malah Terjemahan Hadith Empat Puluh dan naskhah membicarakan asal kejadian langit dan bumi yg ditulis di luar jeda. Tiada rujukan kepada *Kitab Bustanus-Salatin* yg merupakan sumber tertua (sekitar 1636)

9. PEMBICARAAN ILMU 3

- MSS 218 memulakannya demikian;
- *Bismillah ir-Rahman ir-Rahim.* Ini suatu risalat pada menyatakan [jimak] dengan isterinya yang tersebut di dalam *Kitab 'Ibat* dan lainnya. Bahwasanya sunat dahulu daripada jimak itu memakai bau-bauan kedua laki isterinya dan bergurau-gurau dahulu dan bermain-main dengan kelakuan yang menyukakan hati isterinya dan membangkit syahwat seperti dipeluknya dan dicumnya akan dia dan dipermainnya hujung susunya dan digerakkannya kepala zakarnya atas kedua bibir faraj isterinya; kerana yang demikian itu terlebih segera mendatangkan berahi perempuan. Maka sigianya janganlah dijimak akan isterinya melainkan hingga nyata berahinya kepada jimak seperti bergerak-gerak tubuhnya dan singkat nafasnya, pada ketika itu masukkan zakar kita hingga kadar hasyfahnya juga; dan kata setengah ulama adalah tempat lazat cita rasa jimak itu hasil kadar hasyfahnya juga. Maka apabila bertambah berahinya dan bergerak-gerak tubuhnya maka dimasukkan zakarnya kadar hajatnya sekira-kira hasil bersamaan inzal dan bertemu kedua mani itu terlebih menambah lazat kedua pihak dan mewarisi berkasih-kasihan dan mewaisi rajin dan berilmu pada anaknya apabila jadi anak dari maninya dengan jimak itu.
- [Dan lagi] tersebut dalam *Kitab Rizqi*, bahawa kata setengah ulama, jimak yang tiada mengerjakan kelakuan yang mendatangkan berahi perempuan itu mewarisi pada anaknya bebal dan kurang akal dan penyakit.


10. SUMBER PERBAHANAN 1

- **Pembicaraan lain yang kelihatan banyak bergantung kepada sumber lain ialah dalam bidang ilmu berahi, hukum jimak, babul jimak, iaitu mengenai hubungan kelamin suami isteri menurut pendekatan sunnah; antaranya dipetik**
- **Ini suatu risalah pada menyatakan [hukum jimak] dengan isterinya, [seperti] yang tersebut di dalam *Kitab 'Ibat* dan lainnya.**
- **Tersebut dalam *Kitab Zaraq*, bahawa kata setengah ulama jimak yang tiada mengerjakan kelakuan yang mendatangkan berahi perempuan itu mewaris pada anaknya bebal dan kurang akal dan penyakit.**
- **-Kata Syeikh Mazjid di dalam *Kitab 'Atan*, bahawa sumat tatkala jimak membaca Bismillah dan membaca doa "Dengan nama Allah , hai Tuhanku, jauhkanlah olehmu akan kami syaitan dan jauhkan akan syaitan barang yang engkau rezki akan kami anak".**


11. SUMBER PERBAHANAN 2

- **Dan demikian lagi kata Imam al-Ghazali di dalam *Kitab Ihya Ulumuddin*, dan siginya hal junub tetapi jika mandi ia kemudian daripada jimak, tiada mengapa.**
- **Dan diceriterakan daripada Imam Syafii Radiallhu 'anhу, bahawa malam yang terlebih baik jimak di dalamnya itu iaitu malam Jumaat dan malam Isnin dan malam Khamis kerana nabi kita Sallallahi alaihi wasallam adalah ia jimak pada malam yang tersebut itu.**
- **Syahdan tersebut di dalam *Kitab Kanz al-Ikhtisas*, bahawa kelakuan jimak itu amat banyak; setengah daripadanya memberi mudarat dan setengah memberi manfaat.**
- **Syahdan tersebut di dalam *Kitab Hayawat al-Haiwan*, empat perkara yang mendaifkan badan dan menyegerakan tua, pertama banyak jimak, kedua banyak citaan hati, ketiga banyak minum air pagi-pagi, keempat banyak makan yang masam.**
- **Dan tersebut di dalam kitab Syaikh Razak al-Maki tiga perkara yang menyegerakan rukuh badan dan mendaifkan dia, pertama menjimak perempuan yang sangat tua, kedua tidur pada ketika sangat kenyang, ketiga masukkan di dalam jimak tatkala kenyang perut**


12. SUMBER TERAWAL KITAB *BUSTANUSSALATIN*




13. BUSTANUS SALATIN H. 159





14. BUSTANUS SALATIN H. 161



15. BUSTANUS SALATIN H.162



16. SUMBER ASAL SEMUA BAHAN



17. KESIMPULAN DAN SARANAN

- Pertama wujudnya satu bidang ilmu dalam korpus Ilmu atau Epistemology Melayu tradisional yang khusus membicarakan bidang Ilmu Perkasihan atau seksologi secara tradisional dan dari sumber-sumber tradisional. Dalam konteks pembicaraan ini sumber-sumber yang dirujuk adalah berupa sumber tertulis melalui kitab-kitab yang berkenaan termasuk dalam judul ilmu jimak, ilmu perubatan (kitab tib), ilmu ramalan (astrologi), doa, jampi dan mantera juga yang berupa tangkal, azimat dan lain-lain. Kertas kerja ini tidak menyentuh taburan dan penyebaran ilmu ini dalam sumber lisan, walaupun Penulis menyedari sumber tersebut adalah lebih luas dan berpengaruh dalam masyarakat, baik dalam zaman tradisional mahupun zaman moden masa kini.
- Kedua, taburan ilmu ini bukan sahaja dalam sumber khusus yang merujuk kepada perlakuan jimak atau wati, tetapi menyeluruh dalam pelbagai aspek yang berhubungan, termasuk antara lain mengenai kekuatan dan kelemahan tenaga batin, penyakit seksual (sakit tuan dan sakit puan), ubat dan rawatan, petua, pakaian diri, pemakanan, riadah dan lain-lain.
- Ketiga, wacana atau idiom yang digunakan dalam sarana ini tergolong dalam laras bahasa ilmu, perubatan dan lainnya, tegasnya spesifik, tepat, walaupun sedikit janggal dalam pembicaraan biasa. Namun dalam konteks ilmu, itulah laras bahasa yang tepat untuk menyatakan maksud dan menyampaikan instruksi dan maklumat yang diperlukan.
- Keempat, sebagai aspek paling menarik, kebanyakan ilmu disampaikan secara kreatif, dengan puisi, khususnya mantera, syair dan pantun, menggunakan lambing dan simbol yang segar dan berkesan. Melalui penggunaan perlambangan, misalnya melalui syair, huraihan dan persoalan yang dibicarakan dapat dibaca oleh khalayak umum, termasuk kanak-kanak, remaja dan orang dewasa. Yang membezakannya adalah pada taraf pengalaman dan pemahaman yang sesuai dengan peringkat sasaran berkenaan
- Kelima, bahawa falsafah seksologi Melayu tradisional tertakluk kepada maksud hakiki jimak, iaitu untuk mendapatkan zuriat, yg baik, soleh sebagai menyambung dan memperbanyak umat yang mendukung kebesaran dan kekuasaan Allah swt. Berbanding falsafah universal seks untuk dinikmati (sex to be enjoyed)